



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**25 OGOS 2017 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |                             |    |
|-----------------------------|----|
| - Bincang cari penyelesaian | 39 |
|-----------------------------|----|



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**25 OGOS 2017 (JUMAAT)**

|              |                           |
|--------------|---------------------------|
| Akhbar       | Sinar Harian              |
| Tajuk Berita | Bincang cari penyelesaian |
| Muka Surat   | 39                        |

# *25/8/17 M/S 39* **Bincang cari penyelesaian**

MPAJ ambil maklum isu pagar pengadang laluan yang dibangkitkan penduduk

AMPANG – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan mengadakan perbincangan dengan persatuan penduduk di Taman Tun Abdul Razak di sini, berhubung isu pagar pengadang laluan.

Pengadang laluan tersebut dipercayai dibina secara haram bagi menutup laluan denai bagi aktiviti trekking hutan.

Yang Dipertua MPAJ Abd Hamid Hussain berkata, pagar pengadang itu dibina tanpa kelulusan pihak MPAJ.

“Perbincangan bersama

**INFO**

- Penduduk dakwa laluan denai digunakan penyamun melarikan diri

persatuan penduduk adalah untuk mengatasi masalah keselamatan yang dibangkitkan oleh mereka.

“Kita akan cari jalan penyelesaian secara situasi menang-menang dalam perundingan itu,” katanya.

Beliau berkata, penduduk mendakwa laluan itu mengancam keselamatan mereka kerana dipercaya laluan itu digunakan oleh penjenayah samun untuk melarikan diri.

“Segelintir penduduk telah mengambil keputusan sendiri untuk membina pagar pengadang tersebut, kita mengambil tindakan membuka pagar pengadang itu setelah menerima banyak aduan daripada masyarakat yang sering menggunakan laluan itu untuk aktiviti trekking hutan” katanya.



ABD HAMID



Penguat kuasa MPAJ membuka pagar pengadang yang menghalang laluan untuk aktiviti trekking hutan.